

# PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP KEPENTINGAN AKTIVITI SURAU TA'DIB DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

Zahiah Haris @ Harith (PhD) & Mustapha Kamal Ahmad Kassim  
*Jabatan Pendidikan Islam dan Moral*

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi guru pelatih terhadap kepentingan aktiviti Surau Ta'dib di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana melalui aktiviti surau di sesebuah kampus dapat memberi ilmu, kefahaman dan penghayatan dalam Pendidikan Islam kepada guru pelatih. Kajian ini melibatkan temubual seramai 7 orang yang terdiri daripada 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan. Mereka merupakan pelajar PISMP iaitu 3 orangambilan Julai 2010, 2 orangambilan Julai 2011, seorang adalah pelajar Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan seorang penyelia asrama. Data dianalisis secara kualitatif. Tiga aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah pengetahuan mengenai aktiviti-aktiviti Surau Ta'dib, kepentingan aktiviti Surau Ta'dib dan cadangan untuk meningkatkan aktiviti Surau Ta'dib. Hasil kajian ini mendapati semua subjek kajian mempunyai pengetahuan yang terperinci mengenai aktiviti-aktiviti Surau Ta'dib. Aktiviti dilaksanakan setiap hari seperti kuliah maghrib, kelas tajwid, forum dan amali (mengaplikasi sunnah Rasulullah S.A.W.). Semua subjek kajian menyatakan kepentingan aktiviti Surau Ta'dib iaitu dapat menambahkan keimanan, ilmu keagamaan, mengeratkan ukhuwwah sesama guru pelatih dan melatih guru pelatih berorganisasi dalam berpersatuan. Seterusnya terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan kualiti aktiviti Surau Ta'dib iaitu semua JPP dan AJK PGPI dapat bekerjasama untuk menjayakan aktiviti yang telah dianjurkan oleh Surau Ta'dib.*

**Kata Kunci:** kepentingan aktiviti surau, IPG, PISMP